

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 3 TAHUN 1983

PINDAAN KEPADA SEKSYEN 3 ORDINAN PENYELESAIAN TANAH BIL. 51 TAHUN 1955 MENGIKUT ENAKMEN BIL. 9 TAHUN 1982

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pemungut Hasil Tanah tentang pindaan kepada Seksyen 3 Ordinan Penyelesaian Tanah Kelantan 1955 mengikut Enakmen Bil. 9 Tahun 1982 yang berkuatkuasa pada 1.2.1983.

2. Mengikut Seksyen 3(2) Ordinan Penyelesaian Tanah Bil. 51 Tahun 1955 apabila sesuatu kawasan itu diwartakan sebagai Kawasan Penyelesaian, semua jenis urusan ke atas tanah-tanah di dalam kawasan tersebut dibekukan selama 6 bulan daripada tarikh pewartaan dan tempoh itu boleh dilanjutkan jika didapati perlu. Biasanya penyelesaian sesuatu kawasan mengambil masa begitu lama dan pengisytiharan pembebasan hanya dibuat apabila penyelesaian semua tanah di dalam kawasan itu sudah selesai dijalankan. Keadaan seperti tersebut telah menimbulkan masalah bagi tanah-tanah yang sudah diselesaikan tetapi urusan ke atas tanah-tanah itu terus dibekukan sehingga pengisytiharan diisytiharkan bebas daripada Kawasan Penyelesaian.

3. Dengan adanya pindaan kepada Seksyen 3 Ordinan tersebut maka tuan-tuan tanah di dalam sesuatu Kawasan Penyelesaian (menurut sesuatu perintah di bawah Seksyen 8 iaitu yang mempunyai Hakmilik “Possessory”) bolehlah membuat perkiraan urusan tanah-tanah mereka itu walaupun tanah-tanah itu masih ada di dalam Kawasan Penyelesaian sambil mengekal kuasa yang sama yang telah diberi kepada tuan punya tanah menurut perintah di bawah Seksyen 7 Ordinan itu.

t.t.

(Md. Hussin Bin Hassan)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.

KOTA BHARU : 17hb. Mac, 1983.

KEPADA :

Semua Pemungut Hasil Tanah, Kelantan
dan PPHT. Jajahan Kecil Jeli.

SALINAN KEPADA :

YB. Dato’ Setiausaha Kerajaan, Kelantan
(UP : Bahagian Perkhidmatan 3 salinan).

YB. Dato’ Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan.

YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri, Kelantan.

YBrs. Setiausaha Sulit, Dato’ Menteri Besar, Kelantan.

[PTG. (KN.) 11376/JLD.2/(34)]